



Anwar diiringi lima Menteri Kabinet mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Russia, Vladimir Putin, membincangkan kerjasama strategik dan isu serantau di Kremlin, semalam.

Russia rakan karib Malaysia: Anwar

PM, Putin bincang kerjasama strategik dua hala serta isu serantau

Daripada **Muhammed Ahmad Hamdan**
bhnews@bh.com.my
di Moscow



Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan Russia sebagai rakan karib kepada Malaysia dan menghormati negara itu.

Penghormatan itu disampaikan Perdana Menteri ketika mengadakan pertemuan rasmi dengan Presiden Russia, Vladimir Putin di Kremlin, semalam.

Dalam pertemuan selama 45 minit itu, pemimpin kedua-dua negara juga membincangkan kerjasama dua hala Malaysia dan Russia serta isu serantau.

Anwar berkata, beliau meminta Russia menyambung kembali penerbangan terus Aeroflot ke Malaysia bagi meningkatkan kesalinghubungan di antara rakyat dua negara.

Beliau berkata, perbincangan yang berlangsung juga meliputi pelbagai isu strategik termasuk kerjasama dua hala dalam perdagangan dan pelaburan, tenaga dan sekuriti makanan, pendidikan tinggi, kesihatan, pelancongan dan kebudayaan serta kerjasama saintifik.

Terdahulu sebelum pertemuan itu, Anwar mempengerusikan mesyuarat meja bulat bersama 24 pemimpin utama industri terkemuka, termasuk dua dewan perniagaan Russia.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri membuka ruang dalam usaha memperluas perdagangan Malaysia dan peluang kerjasama strategik baharu dalam sektor kritikal.

Ketika pertemuan itu, pelbagai syarikat Russia menyatakan minat untuk menjalin hubungan lebih erat dengan Malaysia dalam bidang pemprosesan makanan, pertanian, teknologi maju, logistik, perkhidmatan kewangan dan pembangunan hartanah.

Mesyuarat itu digambarkan sebagai tepat pada waktu dan produktif, selain Russia berhasrat memperluas kerjasama melangkaui pasaran Barat dan kesediaan Malaysia untuk meneroka peluang baharu.

Malaysia pula menekankan kekuatan teras eksport, termasuk produk berasaskan sawit, pembuatan perabot, bahan kimia khusus dan farmaseutikal, barang pengguna dan makanan diproses serta bahan berkaitan infrastruktur.

Perkukuh hubungan

Mesyuarat selama sejam itu diadakan di Hotel Metropol yang dibuka pada 1905 dan pernah menerima kunjungan tokoh ternama dari era empayar Russia hingga zaman Soviet, sekali gus menjadi latar simbolik bagi usaha Malaysia memperkukuh hubungan dengan Moscow.

Anwar diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Perlindungan dan Komo-

diti, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Mohamad Sabu serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang.

Delegasi Moscow pula disertai beberapa pemain ekonomi paling berpengaruh di republik itu, antaranya VTB Bank JSC, satu bank terbesar di Russia yang diketuai Presiden merangkap Pengerusi, Andrey Kostin.

Selain itu, konglomerat utama bidang pertahanan dan perindustrian, State Corporation Rostec serta Russian Direct Investment Fund yang diwakili Pengarah Eksekutifnya, Anton Urusov.

Russia rakan dagang kesembilan terbesar dalam negara Eropah dengan jumlah dagangan mencecah RM11.46 bilion, tahun lalu.

Eksport utama merangkumi produk elektrik dan elektronik, jentera dan alat ganti serta makanan diproses.

Sementara itu, ketika makan malam bersama rakyat Malaysia di sini, kelmarin, Anwar berkata, beliau yakin Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengambil langkah sewajarnya bagi mempermudah proses pengundian warga Malaysia di luar negara, khususnya pelajar, sebelum pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Katanya, SPR sebuah badan bebas dan cabang eksekutif kerajaan tidak boleh campur tangan dalam operasi SPR.

Anwar berkata, beliau secara peribadi menyokong usaha untuk memastikan semua rakyat Malaysia dapat melaksanakan hak demokrasi untuk mengundi tanpa mengira tempat.